



KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

PELANCARAN KARNIVAL USAHAWAN DESA SECARA DALAM TALIAN TAHUN 2020 (eKUD@KPLB 2020)

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah melancarkan Karnival Usahawan Desa secara dalam talian Tahun 2020 (eKUD@KPLB 2020) yang julung kalinya dianjurkan bermula dengan Jualan Siber pada 11 dan 25 November 2020 (kedua-dua tarikh adalah pada hari Rabu) serta Jualan Mega pada 4 hingga 6 Disember 2020 (Jumaat hingga Ahad).

Pra Pelancaran eKUD@KPLB 2020 telah dilaksanakan pada 3 November 2020 menerusi rakaman ucapan pelancaran serta amanat dari YB Datuk Dr. Abd Latiff Ahmad, Menteri Pembangunan Luar Bandar kepada para usahawan luar bandar diikuti dengan montaj pelancaran logo eKUD@KPLB 2020 menerusi medium online seperti berikut:

- www.rurallink.gov.my
- www.kud.my

- **Facebook @kplbofficial**
- **Facebook @kud.kplb**

Program ini adalah merupakan kesinambungan kepada pelaksanaan KUD@KPLB Putrajaya 2019 di mana Kementerian telah membuat pengumuman untuk turut melihat kepada potensi pasaran di kalangan orang ramai yang lebih suka membeli belah secara dalam talian pada ketika itu.

Pada masa yang sama, pandemik Covid 19 yang melanda seluruh dunia pada awal tahun 2020 telah menjadikan program berbentuk digital ini satu keperluan mustahak dalam usaha KPLB bagi membantu para usahawan luar bandar menjalankan perniagaan dengan norma baharu.

Program eKUD@KPLB 2020 kali ini menggunakan *tagline* **#eKUDPRIHATIN** kerana selain membantu memasarkan pelbagai produk berkualiti para usahawan luar bandar adalah juga selari dengan inisiatif Kerajaan yang prihatin dan sentiasa berusaha membantu para usahawan dalam meneruskan kelangsungan perniagaan mereka terutamanya dengan beralih ke arah platform digital.

Pengisian Karnival Usahawan Desa Secara Dalam Talian Tahun 2020 (eKUD@KPLB 2020) meliputi *Booth* Digital, Jualan Siber eKUD@KPLB 2020, dan Jualan Mega eKUD@KPLB 2020.

BOOTH DIGITAL

- Program ini menyasarkan sebanyak 500 buah *virtual booth* mengambil bahagian terdiri daripada pelbagai kategori seperti berikut:

- *Booth* Usahawan
- *Booth* Agensi Kerajaan
- *Booth* Korporat
- *Booth* Jemputan

Booth berbentuk digital ini boleh dilawati oleh orang ramai untuk berinteraksi dengan para usahawan serta pempamer lain bagi mendapatkan maklumat berhubung produk serta perkhidmatan yang ditawarkan sebelum membuat pembelian secara online.

Antara kluster perniagaan yang akan mengambil bahagian adalah Makanan dan Minuman (F&B), Kesejahteraan seperti produk spa, kosmetik dan makanan tambahan serta Gaya Hidup meliputi produk seperti fesyen, aksesori dan kraftangan.

Orang ramai juga berpeluang untuk melawat *booth* jemputan yang terdiri daripada *booth* jualan hartanah, jualan kenderaan, sektor pelancongan dan telekomunikasi yang akan menawarkan pelbagai diskaun hebat serta insentif menarik khusus semasa eKUD@KPLB 2020 sahaja.

JUALAN SIBER eKUD@KPLB 2020

Segmen Jualan Siber eKUD@KPLB 2020 yang berlangsung pada 11 dan 25 November 2020 menggunakan platform Desamall@KPLB akan diisi dengan pelbagai program seperti insentif baucar diskaun bagi pembeli baharu dan pembeli sedia ada, *live streaming sales* melalui platform Desamall Shopee Live, Desamall Lazada Live, Jualan Kilat serta '*Shocking Sales*'.

KPLB melaksanakan inisiatif perkongsian strategik melalui Desamall@KPLB bagi membantu usahawan luar bandar memasarkan produk mereka secara *online* menerusi platform e-Dagang seperti Lazada, Shopee, eBay, PrestoMall dan GrabMart. Seramai hampir 2,000 usahawan luar bandar dengan lebih 21,000 *Stock Keeping Unit* (SKU) produk boleh didapati oleh orang ramai melalui platform e-Dagang yang disertai oleh DesaMall@KPLB.

JUALAN MEGA eKUD@KPLB 2020

Jualan Mega eKUD@KPLB 2020 iaitu segmen utama temasya pemasaran digital ini akan bermula dengan sesi Padanan Perniagaan usahawan bersama dengan '*trade buyers*'. Program ini dijangka akan melibatkan lebih 100 usahawan luar bandar yang akan bertemu dengan *trade buyers* dari dalam dan luar negara melalui platform digital eKUD@KPLB 2020.

Sepanjang tempoh tiga hari tersebut, para usahawan juga berpeluang mengikuti program-program keusahawanan yang akan berlangsung dalam talian antara lain adalah seperti *webinar* dan *talk show* keusahawanan dari para panel serta usahawan yang berpengalaman. Program-program ini boleh diikuti secara langsung melalui media sosial KPLB dan KUD@KPLB.

Manakala untuk orang ramai pula, berpeluang untuk menonton dan mengikuti pelbagai aktiviti menarik samaada siaran secara langsung atau rakaman rancangan seperti Demonstrasi Memasak, *Urban Farming*, Laman Ternakan dan juga Jualan Langsung bersama Selebriti Jemputan

daripada pukul 10.00 pagi hingga ke pukul 10.00 malam.

Pelbagai bahan berbentuk audio visual berkaitan dengan Program Pembangunan Keusahawanan dan Program Teras KPLB juga boleh dicapai secara percuma oleh orang ramai yang melayari *landing page* eKUD@KPLB 2020 sepanjang masa iaitu 24 jam sehari tanpa henti di alamat ***www.ekud.my***.

Pengunjung yang membuat pembelian online dan memenuhi syarat semasa tempoh Jualan Mega eKUD@KPLB 2020 akan berpeluang untuk menyertai cabutan bertuah dengan pelbagai hadiah menarik disediakan oleh penganjur.

KPLB berharap melalui program ini akan dapat memberikan semangat baharu kepada para usahawan luar bandar dan meningkatkan iltizam mereka dalam berusaha memacu perkembangan ekonomi masyarakat di tempat masing-masing.

Menerusi usaha kerajaan ini akan membantu peniaga secara dalam talian untuk meningkatkan keuntungan perniagaan disamping merancakkan semula ekonomi negara serta menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan.

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Luar Bandar
9 November 2020**